



SIARAN MEDIA

JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN

MEMPERKASA NILAI-NILAI INTEGRITI DAN TATAKELOLA YANG BAIK KE ARAH PEMBENTUKAN SEKTOR AWAM YANG TELUS DAN BERDAYA SAING

17 APRIL 2025

Jabatan Wilayah Persekutuan telah menganjurkan Seminar Modul Pengukuhan Governans, Integriti dan Antirasuah (MPGIA) Jabatan Wilayah Persekutuan bagi tahun 2025 bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang dirasmikan oleh YBhg. Datuk Seri Dr. Zaliha Mustafa, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Wilayah Persekutuan. Seminar ini diadakan bagi membentuk sektor awam yang telus dan berdaya saing sekaligus menzahirkan hasrat dan harapan kerajaan untuk terus berusaha memartabatkan integriti dan akauntabiliti dalam sektor perkhidmatan awam.

Kerajaan Malaysia amat komited dalam memperkuuh tatakelola sektor awam melalui Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional (NACS) yang digubal dengan tujuan utama untuk memerangi rasuah, salah guna kuasa dan ketirisan. Sebagai sebuah negara yang ingin mencapai tahap ekonomi dan sosial setaraf dengan *first class country* seperti Denmark, Finland dan Singapura yang menduduki tempat pertama dalam senarai negara paling kurang rasuah di dunia menerusi Indeks Persepsi Rasuah (CPI) bagi tahun 2024. Namun, kerajaan menyasarkan visi mencapai kedudukan antara 25 buah negara teratas di dunia bagi Indeks CPI ini menjelang tahun 2033. Justeru, tatakelola yang baik perlu terus diamalkan di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan terutamanya bagi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Perbadanan Putrajaya dan Perbadanan Labuan yang dalam konteks pihak berkuasa tempatan yang berurusan secara bersemuka dengan rakyat.

Sektor perkhidmatan awam sentiasa dikaitkan dengan amalan tatakelola yang tidak baik serta kes-kes rasuah. Lantaran itu, seminar ini merupakan platform yang penting dan mencerminkan komitmen kerajaan dalam usaha memperkuuh keberkesaan dan kecekapan penyampaian tadbir urus baik malah sebagai manifestasi pihak kerajaan dalam menyemai jiwa membenci rasuah dalam kalangan penjawat awam yang sekian lama menjadi barah.

Dalam menjadikan Wilayah Persekutuan contoh pusat pentadbiran yang terbilang dan berintegriti tinggi, amalan H.A.R.M.O.N.I, iaitu Holistik, Amanah, Responsif, Makmur, Organik, Naratif dan Integriti telah diterapkan di JWP dan agensi sejak awal lagi agar penjawat awam haruslah memiliki nilai integriti yang tinggi dalam menjalankan tugas mereka, demi membangunkan Malaysia MADANI yang utuh keyakinannya kepada sektor perkhidmatan awam yang terbilang.

Disediakan oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat
Jabatan Wilayah Persekutuan
17 April 2025

